

Pekan pula dilanda banjir

[RoselanAb Malek](#)

am@hmetro.com.my



Keadaan air sungai Lipis di Kampung Binjai masih bertahan. FOTO Roselan Ab Malek.

Kuantan: Bilangan mangsa banjir yang dipindahkan di negeri ini meningkat kepada 449 orang daripada 134 keluarga sehingga jam 8 pagi hari ini.

Ia berbanding 444 mangsa daripada 128 keluarga, petang semalam.

Kesemua 449 mangsa kini ditempatkan di empat pusat pemindahan sementara (PPS) di tiga daerah dengan Pekan menjadi daerah terbaru dilanda banjir.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Angkatan Pertahanan Awam (APM) Pahang berkata, Pekan menjadi daerah terbaru dilanda banjir apabila 68 mangsa daripada 16 keluarga ditempatkan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Sinar Mutiara.

"Di Temerloh, jumlah terkini mangsa yang terjejas masih berada di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Semantan adalah 346 orang mangsa daripada 103 keluarga.

"Di Bera, 35 mangsa daripada 10 keluarga masih berada di PPS SK Sri Buntar dan PPS SK Kerayong," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Sementara itu, tiga daerah iaitu Jerantut, Raub dan Lipis masing-masing menutup PPS selepas mangsa pulang ke rumah mereka bermula 2 petang semalam.

Disiarkan pada: Disember 13, 2022 @ 8:59am